

**Pesuruhjaya Pas Akan Pengerusikan Mesyuarat Pertama MAINPP
Bernama
18 April , 2012**

GEORGE TOWN, 18 April (Bernama) -- Pesuruhjaya Pas Negeri Datuk Salleh Man akan mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam tempoh tiga bulan dari tarikh watakah pelantikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang dikeluarkan pada 10 Feb lepas.

Timbalan Ketua Menteri I Datuk Mansor Othman berkata watakah pelantikan itu telah memberi perkenan kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Abdul Malik Abul Kassim sebagai Yang Dipertua MAINPP bagaimanapun kerajaan negeri telah membuat permohonan agar tempat itu diisi oleh Salleh.

"Kerajaan negeri memang mencalonkan Abdul Malik untuk jawatan itu kerana nama Salleh tidak terpilih untuk tempoh 2010 hingga 2011 dan diganti dengan pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Ellias Zakaria," katanya kepada pemberita dalam sidang media yang diadakan di sini Rabu.

Bagaimanapun Mansor berkata pemilihan Salleh untuk kali kedua adalah disebabkan janji oleh Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan melantik beliau sekiranya memenang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir pada 2009.

Sementara itu Abdul Malik, yang turut hadir pada sidang akhbar itu berkata bahawa beliau tidak ragu-ragu melepaskan jawatan itu kepada Salleh kerana ia adalah keputusan kerajaan negeri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660017>